



**Untuk Siaran Segera  
15 Januari 2024**

**PEMENANG HADIAH UTAMA KEMPEN SIMPAN VAGANZA  
BAWA PULANG TOYOTA YARIS**

*Fasa 2 kempen tersebut berjaya menarik 2.37 juta penyertaan*

**KUALA LUMPUR, 15 Januari 2024:** Syarikat pengurusan unit amanah milik penuh Permodalan Nasional Berhad (PNB), Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB), telah meraikan para pemenang Kempen Simpan Vaganza dan Simpan Vaganza Online bagi Fasa 2 pada satu majlis penyampaian hadiah baru-baru ini.

Sejak kempen bermula hingga Fasa 2 berakhir, sejumlah 2.37 juta penyertaan telah dicatatkan. Setiap fasa menawarkan pelbagai hadiah menarik bernilai lebih RM880,000 yang telah dimenangi oleh 1,297 pemenang bagi kedua-dua fasa, antaranya, unit amanah, barangan elektrik, baucar percutian dan hadiah utama iaitu sebuah kereta Toyota Yaris.

Kempen Simpan Vaganza dan Simpan Vaganza Online yang berlangsung secara serentak bermula 1 Mac 2023, merupakan kempen tahunan ASNB bagi menggalakkan rakyat Malaysia menabung untuk jangka panjang serta mengguna pakai penyelesaian digital yang memudahkan urusan pelaburan.

Kempen Simpan Vaganza terbuka khusus untuk pelaburan dalam Amanah Saham Bumiputera (ASB) dan Amanah Saham Bumiputera 2 (ASB 2), manakala Simpan Vaganza Online terbuka kepada pelaburan dalam mana-mana unit amanah ASNB menerusi platform dalam talian iaitu myASNB, perbankan internet, e-dompot dan mesin kiosk ASNB. Kedua-dua kempen ini telah dilaksanakan dalam tiga fasa iaitu:-

- Fasa 1 : 1 Mac hingga 30 Jun 2023;
- Fasa 2 : 1 Julai hingga 31 Oktober 2023, dan;
- Fasa 3 : 1 November 2023 hingga 29 Februari 2024.

Menurut Muzzaffar Othman, Ketua Pegawai Eksekutif dan Pengarah Eksekutif ASNB, “Kempen Simpan Vaganza dan Simpan Vaganza Online telah menarik penyertaan yang amat menggalakkan daripada pelabur sedia ada mahu pun pelabur baharu. ASNB sentiasa menggalakkan rakyat Malaysia untuk terus menyimpan dalam instrumen pelaburan diuruskan oleh ASNB yang sesuai untuk semua generasi bagi memenuhi objektif kewangan masing-masing seperti menampung perbelanjaan pendidikan untuk diri sendiri dan anak-anak, membeli rumah dan juga membina tabung persaraan.”

“Kami teruja memaklumkan bahawa Fasa 3 kempen ini masih berlangsung hingga 29 Februari 2024. Sambil anda menambah simpanan, para pelabur juga berpeluang untuk menjadi salah seorang pemenang dengan tawaran hadiah utama berupa sebuah kereta Toyota Cross 1.8G AT”.

Pada majlis penyampaian hadiah tersebut, ASNB telah menjemput seramai 39 orang pemenang Fasa 2 untuk menerima hadiah masing-masing. Majid Mohamad, 69, pemenang hadiah utama Kempen Simpan Vaganza Fasa 2, yang membawa pulang sebuah Toyota Yaris berkata, “Saya telah melabur dengan ASNB sejak 1980an dan isteri serta anak-anak saya turut memilih ASB sebagai instrumen pelaburan pilihan kami sekeluarga.”

Seorang lagi pemenang Simpan Vaganza Online, Adzlan Ishak, 34, menyatakan beliau melalui pengalaman melabur yang mudah secara digital menerusi aplikasi myASNB terutamanya untuk menambah pelaburan dan menyemak portfolio pelaburan.

Dalam perkembangan lain, baru-baru ini ASNB telah mengumumkan pengagihan pendapatan sebanyak 5.25 sen seunit untuk dana utamanya, ASB, bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2023. Dengan pulangan yang kompetitif dan ciri pelaburan risiko rendah, ASB menjadi pilihan lebih 10.5 juta pemegang unit. ASNB juga telah menaik taraf aplikasi myASNB kepada Superapp bagi meningkatkan pengalaman pelaburan kepada para pemegang unit.

Untuk maklumat lanjut berkenaan kempen-kempen ASNB, orang ramai boleh melayari laman web rasmi [asnb.com.my](http://asnb.com.my) atau laman media sosial rasmi ASNB.

*-Tamat-*

**Mengenai Permodalan Nasional Berhad (PNB)**

Permodalan Nasional Berhad (PNB) adalah syarikat pengurusan dana terbesar di Malaysia dengan aset di bawah pengurusan (AUM) kini melebihi RM300 bilion. Portfolio PNB merangkumi pelaburan strategik dalam syarikat-syarikat korporat terkemuka Malaysia, ekuiti global, pelaburan persendirian dan hartanah. Selama lebih empat dekad, kami kekal fokus dalam menyumbang kepada kekayaan Bumiputera dan semua rakyat Malaysia dan berdedikasi untuk memenuhi matlamat kami mengukuh kedudukan kewangan rakyat, merentas generasi. Kami komited terhadap kemampanan, amalan bertanggungjawab dan penciptaan masa depan inklusif yang memberi manfaat kepada pihak berkepentingan kami dan komuniti yang disantuni. Untuk maklumat lanjut, sila layari [www.pnb.com.my](http://www.pnb.com.my).

**Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB)**

Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB) adalah syarikat pengurusan unit amanah PNB dengan 32 pejabat cawangan dan lebih 2,600 cawangan ejen seluruh negara yang terdiri daripada Affin Bank, Ambank, Alliance Bank, Bank Islam, Bank Muamalat, Bank Simpanan Nasional, CIMB Bank, Hong Leong Bank, Maybank, RHB Bank dan Pos Malaysia. ASNB kini menguruskan 17 dana unit amanah dengan unit dalam edaran (UIC) kira-kira 280 bilion unit daripada lebih 15 juta akaun. Untuk maklumat lanjut, sila layari [www.asnb.com.my](http://www.asnb.com.my) atau hubungi Pusat Khidmat Pelanggan ASNB di talian 03-7730 8899.

**Dikeluarkan oleh Permodalan Nasional Berhad**